

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 18 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 10**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1432-MQT0976  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaik taraf jalan perhubungan Jeli-Gerik melalui banjaran Titiwangsa yang sudah tidak diselenggarakan begitu lama dan mengalami kerosakan yang sangat teruk di samping garisan putih yang sudah hampir pudar dan tidak kelihatan.
  
2. PR-1432-MQT0964  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengguna aplikasi MySejahtera dan setakat mana aplikasi tersebut membantu untuk mengawal pandemik COVID-19.
  
3. PR-1432-MQT0975  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan secara terperinci rangka pelan dan rancangan kajian rintis pembangunan Wakaf Infrastruktur Air di negara ini.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 18 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 22**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09370  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memastikan pelajar di luar bandar dan golongan pelajar B40 mempunyai akses kepada peralatan pembelajaran yang setara dengan pelajar di bandar seperti pemilikan komputer riba, tablet dan mesin pencetak dan adakah kajian telah dijalankan mengenai permasalahan pembelajaran dari rumah semasa pandemik COVID-19 akibat tiada peralatan IT bagi pembelajaran di rumah.
  
2. PR-1432-L09328  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam gig ekonomi tahun 2018, 2019 dan 2020 iaitu sebagai pemandu Grab, penghantar parcel, penghantar makanan dan sebagainya. Nyatakan mengikut kategori.
  
3. PR-1432-L09409  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
  - (a) berapakah jumlah peruntukan tahunan Dana Akaun Amanah Bekalan Industri Elektrik (AAIBE); dan
  - (b) kemanakah dana ini telah disalurkan dan apakah kesannya kepada rakyat.

4. PR-1432-L09289  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) kesan pelaksanaan skim MySalam dan PeKa B40 sejak tahun 2018, termasuklah statistik penerima skim MySalam dan PeKa B40 untuk tahun 2018, 2019, dan 2020 (secara berasingan) mengikut pecahan negeri ; dan
  - (b) apakah status pelaksanaan skim MySalam untuk golongan/kategori M40.
  
5. PR-1432-L09684  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci sejauh mana berlaku jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia dan usaha-usaha menanganinya.
  
6. PR-1432-L09965  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah status projek jeti pendaratan ikan LKIM Wilayah Persekutuan Labuan dan bilakah ia dijadualkan siap.
  
7. PR-1432-L09364  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek pemulihan, menaik taraf atau bina semula sekolah-sekolah daif di Sarawak seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pusat sebelum ini, setelah Sarawak membayar sejumlah RM700 juta sebagai pembayaran pinjaman kontrak RM1 bilion kepada Kerajaan Pusat.
  
8. PR-1432-L09879  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengawal selia harga syiling bagi setiap jurusan di IPTA dan IPTS kerana kos pendidikan semakin meningkat saban hari.
  
9. PR-1432-L08983  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan program-program terkini untuk meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan khususnya masa pasca COVID-19 ini.

10. PR-1432-L09232  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan dengan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang telah diumumkan oleh mantan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada tahun lalu.
11. PR-1432-L09038  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kedudukan terkini ranking Universiti-universiti Awam (UA) menerusi penarafan *QS World University Rankings* dan *Times Higher Education*.
12. PR-1432-L09619  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini berkenaan penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Gangguan Seksual.
13. PR-1432-L08765  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah.
14. PR-1432-L08927  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian untuk memulakan pendidikan percuma di universiti awam (UA) bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan golongan asnaf. Bagaimanakah dengan perancangan ini membolehkan pihak Kementerian memperluaskan pendidikan percuma di UA kepada golongan B40 dan kemudiannya kepada semua penuntut yang lain.
15. PR-1432-L09631  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bentuk bantuan dan jumlah insentif yang diperolehi oleh para nelayan, petani dan penternak dalam PENJANA bagi menghadapi wabak COVID-19.

16. PR-1432-L09388  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berkaitan perkara-perkara berikut:-
- (a) langkah banteras fitnah, tohmahan dan hasutan dalam pelbagai medium di media sosial; dan
  - (b) jumlah aduan dan kes yang diterima serta tindakan dan kaedah memantau penuliran bahan-bahan berita palsu.
17. PR-1432-L08968  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan baru SMK Matu, Bahagian Mukah dan bilakah pembinaannya akan dimulakan serta kos sebenar yang terlibat.
18. PR-1432-L09019  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan penjelasan berkenaan isu bil Tenaga Nasional Berhad yang melambung dengan melampau sehingga menimbulkan beban yang teruk kepada rakyat di seluruh negara.
19. PR-1432-L10043  
**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam konteks pembangunan semula sekolah daif, risiko berlakunya kemalangan bagi sekolah yang uzur, melebihi usia 20 tahun, akibat masalah pendawaian elektrik, struktur sekolah daripada kayu dan kemudahan yang usang adalah tinggi. Isu keselamatan seharusnya mendapat perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memerlukan mereka mengambil tindakan segera bagi menjamin tahap keselamatan pelajar. Minta Kementerian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi isu ini.
20. PR-1432-L08818  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa pusat pembelian padi yang telah diwujudkan dan mengapa had jarak pengutipan pusat pembelian tidak lagi dikuatkuasakan seperti dahulu.

21. PR-1432-L09537  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah inisiatif '*Single Window Single Offer*' yang dilancarkan pada tahun ini berjaya mencapai objektif mengelak pertindihan tawaran kemasukan ke matrikulasi, Asasi serta Institut Pendidikan Guru dan adakah dasar ini akan diteruskan mengambil kira Kementerian telah dipecah dua.
22. PR-1432-L09544  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mempunyai kemampuan kewangan bagi melaksanakan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) berjumlah RM35 bilion bagi meringankan beban rakyat dan memulihkan semula ekonomi negara sedangkan sebelum ini Kerajaan Pakatan Harapan menyatakan bahawa kewangan negara berada dalam keadaan yang kritikal.
23. PR-1432-L09118  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci berkenaan isu pemberian tender jalur komunikasi 5G tanpa proses tender melalui arahan menteri bertarikh 15 Mei 2020 yang kemudiannya dibatalkan semula.
24. PR-1432-L09748  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa Sekuriti Kerajaan Malaysia telah dikeluarkan dan bakal dikeluarkan untuk tahun kewangan 2020.
25. PR-1432-L09948  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kenapakah perkhidmatan jalur lebar internet seperti Streamyx dan Unifi di Daerah Penampang amat tidak memuaskan dan bilakah perkhidmatan tersebut dapat diperluaskan serta dipertingkatkan kepada perkhidmatan internet 4G atau yang lebih baik dengan pembinaan lebih banyak infrastruktur rangkaian selular memandangkan terdapat keperluan mendesak terutamanya kepada para pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi di kawasan pedalaman Penampang untuk mengikuti pembelajaran atas talian semasa sekolah dan institusi pengajian tinggi belum dibuka secara keseluruhan.

26. PR-1432-L10062

**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-

- (a) berapa banyak tindakan yang telah diambil terhadap nelayan-nelayan yang menggunakan bom ikan untuk menangkap ikan di laut di seluruh Malaysia; dan
- (b) apakah mekanisme yang telah diambil untuk mengurangkan nelayan-nelayan asing dari menceroboh masuk ke kawasan kita menangkap ikan dan apakah Kementerian tidak berhajat untuk mengkaji denda yang dikenakan kepada nelayan asing yang menceroboh perairan negara kepada yang lebih tinggi serta hukuman penjara.

27. PR-1432-L09951

**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status tender terbuka dan jangkaan permulaan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kipouvo di daerah Penampang yang mempunyai 24 buah bilik kelas seperti yang diumumkan pada bulan Februari 2019 oleh Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu yang mana projek tersebut pertama kali diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2012.

28. PR-1432-L09788

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pengenalan tulisan jawi akan diteruskan dalam buku teks baharu darjah 5 untuk SK dan SJK.

29. PR-1432-L08961

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan inisiatif bagi memastikan sumber bekalan air untuk sawah padi adalah mencukupi terutamanya pada musim kemarau. Adakah terdapat penyelesaian jangka panjang bagi masalah pengairan untuk kawasan penanaman padi di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang melibatkan pam air Bumbung Lima dan Pinang Tunggal.

30. PR-1432-L08888

**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan liputan telekomunikasi dan jalur lebar khususnya sekolah-sekolah pedalaman di Parlimen Lubok Antu.

31. PR-1432-L09254  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengguna kaedah '*debt monetisation*' ataupun menjual sekuriti Kerajaan kepada Bank Negara untuk menjana dana untuk memulihkan ekonomi negara.
32. PR-1432-L09458  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai projek-projek yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 tetapi dibatalkan mengikut pecahan negeri. Mengapa negeri Pulau Pinang disasarkan apabila projek pengangkutan awam dengan jaminan pinjaman RM10 bilion dan kereta kabel Bukit Bendera sebanyak RM100 juta dibatalkan.
33. PR-1432-L08988  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah dasar dan kriteria dalam pengagihan bantuan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada ahli persatuan nelayan.
34. PR-1432-L09188  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini projek pembangunan Iskandar Malaysia Bas Rapid Transit (BRT) di Johor dan bilakah tarikh dijangka akan mula dibina serta beroperasi.
35. PR-1432-L08965  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan permohonan bas elektrik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Prasarana Malaysia Berhad. Juga perincian maklum balas berhubung permohonan tambahan bilangan bas (daripada yang sedia ada) bagi meningkatkan operasi Rapid Penang Sdn. Bhd. kini termasuk memperkenalkan perkhidmatan bas mini bagi kawasan-kawasan perumahan serta luar bandar.
36. PR-1432-L08742  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai statistik bilangan permohonan, peratus kelulusan serta jumlah dana yang telah disalurkan melalui "*special relief facility*" dan jaminan untuk SME dan Micro SME antara bulan Mac 2020 hingga terkini dan sama ada dana tersebut telah mencapai matlamatnya untuk membantu SME dan Mikro SME dalam krisis COVID-19 memandangkan banyak rungutan terhadap Kerajaan.

37. PR-1432-L08898  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Gangguan Seksual dan Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial dan bilakah kedua-dua RUU ini akan dibentangkan di Parlimen.
38. PR-1432-L08744  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara pada April 2018 dan terkini April 2020 serta nyatakan apakah langkah fiskal dan monetari yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani permasalahan bebanan hutang negara ini dan dalam masa yang sama memastikan pembangunan negara terus mapan dan golongan B40 terus terbelah.
39. PR-1432-L09791  
**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah tawaran dan pengambilan pelajar mengikut kaum dan aliran mata pelajaran untuk seluruh negara bagi pengambilan matrikulasi 2020/2021.
40. PR-1432-L08997  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan keseluruhan dan jumlah individu yang berjaya menerima Bantuan Prihatin Nasional dan jumlah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang menerima Geran Khas Prihatin di negeri Sarawak.
41. PR-1432-L09689  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah aset milik Tabung Haji dan nilainya yang telah dipindahkan kepada Urusharta Jemaah Sdn. Bhd. (UJSB) dan berapa yang dijual semula atas dakwaan Tabung Haji mengalami defisit aset berbanding liabiliti di bawah program penstrukturan semula aset TH.
42. PR-1432-L09910  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) apakah status Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, status jawatankuasa pemandunya dan apakah usaha Kerajaan terhadap 7 negeri yang tidak bersetuju untuk menetapkan 18 sebagai had umur perkahwinan; dan

- (b) bilangan kanak-kanak pengantin lelaki dan perempuan di bawah 18 tahun mengikut pecahan umur di antara pasangan, negeri dan jantina pasangan serta kaum dan agama yang telah berkahwin setakat ini.
43. PR-1432-L08872  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah nisbah hutang Kerajaan : KDNK selepas mengambil kira perbelanjaan tambahan pakej rangsangan COVID-19.
44. PR-1432-L08877  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk mewajibkan majikan ekonomi gig untuk menyumbang kepada KWSP untuk pekerja mereka. Apakah langkah susulan setelah geran padanan RM50 juta untuk mencarum pekerja habis dibelanjakan.
45. PR-1432-L09991  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapa jumlah peratus hutan simpan dalam negara yang masih ada. Dalam kerancangan pembinaan bandar bandar baharu, apakah jaminan Kementerian dalam menjaga dan mengekalkan hutan-hutan simpan ini.
46. PR-1432-L09230  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap Tenaga Nasional Berhad untuk menyiasat aduan pengguna elektrik di seluruh negara tentang kenaikan caj bil elektrik yang mendadak.
47. PR-1432-L09202  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menggantikan kerugian wang RM1.25 bilion berkaitan penyelewengan dana 1MDB seperti dalam kes mahkamah yang melibatkan Riza Aziz memandangkan hanya RM465.3 juta yang dipulangkan.

48. PR-1432-L09553

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi membantu golongan bekerja sendiri terutamanya di kawasan luar bandar yang kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penularan COVID-19 di mana mereka tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

49. PR-1432-L(5)00055

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status peruntukan sebanyak RM20juta untuk pembinaan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang telah diluluskan ketika pembentangan Belanjawan 2020 dan kaedah pengagihannya, sama ada SJKC Hillside di Parlimen Rasah akan mendapat sekurang-kurangnya RM1juta.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

50. PR-1432-L09156

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan penurunan harga minyak ke atas ekonomi negara. Apakah strategi negara untuk menampung kekurangan pendapatan akibat dari turunnya harga minyak.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                  |   |                               |
|----|------------------|---|-------------------------------|
| 1. | ( DR.4/2020 )    | Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                  | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 2. | ( DR.3/2020 )    | Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020  | "                             |
|    |                  | <b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 6/2020 )   | Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19 ) 2020   | "                             |
|    |                  | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                               |
| 4. | ( D.R 5/2020 )   | Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020  | "                             |
|    |                  | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                               |
| 5. | ( D.R 37/2019 )  | Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019   | "                             |
|    |                  | <b>[ Menteri Kesihatan ]</b>  |                               |
| 6. | ( D.R 42/2019 )  | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019  | "                             |
|    |                  | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                               |
| 7. | ( D.R. 25/2019 ) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019  | "                             |
|    |                  | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                               |

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

9. PR-1432-UL064

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

10. PR-1432-U(27)116

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1432-U(27)114

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

12. PR-1432-U(27)115

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

13. PR-1432-U(27)119

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1432-U(27)120

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

15. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

17. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

18. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

19. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

20. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

21. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

22. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing , Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

25. PR-1432-U(27)129  
**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."  
**[ Perdana Menteri ]**
26. PR-1432-U(27)132  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."  
**[ Perdana Menteri ]**
27. PR-1432-U(27)131  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :  
  
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;  
  
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;  
  
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

28. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

29. PR-1432-U(27)133

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu mengkaji semula dan mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan tempoh moratorium pinjaman kepada semua pihak tanpa mengira *status quo* bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai. Hal ini kerana krisis pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar rakyat Malaysia. Kebelakangan ini, kes jangkitan COVID-19 baharu juga telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini berpotensi untuk Kerajaan mengetatkan semula PKP yang akan memperlahankan aktiviti ekonomi."

**[ Menteri Kewangan ]**

30. PR-1432-U(27)134

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu bagi mempertimbangkan dan mengembalikan semula cuti sekolah pada hujung tahun sebagai langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi rakyat. Dengan mengembalikan cuti sekolah pada hujung tahun, kita boleh jangkakan bahawa rakyat akan mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung halaman dan berkunjung ke tempat-tempat pelancongan dalam negara. Hal ini akan merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi luar bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cuti sekolah pada hujung tahun sememangnya telah terbukti suatu tempoh yang ditunggu-tunggu oleh para pemain industri dari pelbagai sektor, khususnya sektor pelancongan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 18.08.2020 (Selasa)	1. YB Puan Teo Nie Ching (Kulai)	1. Peruntukan Utiliti Untuk Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK)	1. YB Menteri Pendidikan
2. 18.08.2020 (Selasa)	2. YB Tuan Cha Kee Chin (Rasah)	2. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kawasan Rasah	2. YB Menteri Perpaduan Negara

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**